



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
FESTIVAL DARI WANITA UNTUK WANITA 2016
NEGERI PAHANG**

**DI
DATARAN TEMERLOH, PAHANG**

**PADA
22 MEI 2016**

[SALUTASI]

Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama berada di Majlis Perasmian Penutup Festival Dari Wanita untuk Wanita 2016 Negeri Pahang.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Penganjur iaitu Malis Pembangunan Wanita dan Keluarga Pahang serta Persatuan Ibu Tunggal Daerah Temerloh, dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Wanita Pahang yang telah berusaha keras menganjurkan festival ini. Usaha murni ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada semangat wanita-wanita termasuk ibu tunggal di negeri Pahang agar terus berusaha ke arah memajukan diri bagi mencapai status usahawan berjaya.
3. Saya kira Festival Dari Wanita Untuk Wanita 2016 ini amat signifikan dan bertepatan dengan masa serta selaras dengan hasrat kerajaan amnya dan hasrat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) khususnya iaitu untuk terus memperkasakan lagi peranan wanita dalam bidang keusahawanan.

4. Saya juga difahamkan bahawa sepanjang tiga (3) hari karnival ini berlangsung, terdapat agensi-agensi kerajaan dan swasta yang menawarkan perkhidmatan dalam bentuk bantuan kewangan, khidmat nasihat dan penyelidikan produk.
5. Saya amat berharap agar para usahawan yang menyertai festival ini telah mengambil kesempatan ini untuk mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat serta bantuan bersesuaian dalam meningkatkan mutu dan kualiti produk dan perkhidmatan agar setanding dengan produk komersial di pasaran.

INISIATIF AGENDA PEMBANGUNAN WANITA

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Pada hari ini saya juga ingin berkongsi dengan tuan-tuan dan puan-puan mengenai kepentingan peranan wanita di Negara kita sehingga kita telah menjadi sebagai sebahagian agenda pembangunan Negara sejak dahulu lagi. Agenda pembangunan wanita telah mula disentuh dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) dan seterusnya diberi penekanan melalui satu bab khusus perancangan pembangunan wanita dalam Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995). Agenda pembangunan wanita ini diteruskan melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) yang antara lain memberi fokus kepada peningkatan penyertaan tenaga kerja wanita kepada 55% pada tahun 2015 dan peningkatan bilangan wanita di peringkat pembuat keputusan. Sasaran ini diteruskan lagi dalam Rancangan Malaysia

Kesebelas (2016-2020) iaitu bagi meningkatkan kadar penyertaan tenaga kerja wanita kepada 59% wanita dan untuk mencapai sasaran 30% wanita di peringkat pembuat keputusan di sektor korporat menjelang tahun 2020.

7. Dua fokus utama ini adalah bertepatan dengan strategi mentransformasi Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 di bawah Program Transformasi Ekonomi. Dan Alhamdulillah, usaha penganjuran festival ini juga saya lihat sebagai satu usaha murni ke arah merealisasikan hasrat Kerajaan ini.

PELAN PEMERKASAAN IBU TUNGGAL 2015-2020

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Saya juga melihat penganjuran Festival Dari Wanita untuk Wanita ini adalah amat bertepatan dengan hasrat KPWKM dalam usaha memperkasakan ekonomi wanita termasuk golongan ibu tunggal. Festival ini dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan wanita-wanita ini untuk menceburi bidang keusahawanan, membantu mengasah bakat, kemahiran dan potensi dalam bidang perniagaan.
9. Selain itu, melalui jalinan kerjasama strategik dengan pelbagai agensi pemberi bantuan, wanita mempunyai peluang untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi membina atau mengembangkan perniagaan memasarkan produk serta perkhidmatan dalam pasaran tempatan mahupun global.

10. Bagi menjamin keberkesanan bantuan dan usaha tambahbaik terhadap kebajikan ibu tunggal, KPWKM telah mengambil inisiatif untuk menetapkan tiga definisi bagi ibu tunggal di negara ini yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri kerana didapati terlalu banyak istilah untuknya di negara ini.

- Definisi pertama adalah ibu yang telah diceraikan secara hidup atau mati masih menanggung anak.
- Definisi kedua adalah seorang isteri yang menjadi ketua keluarga mencari nafkah, serta menanggung suami yang tidak berupaya untuk bekerja disebabkan sakit dan mempunyai anak masih dalam tanggungan; dan
- Definisi ketiga ialah wanita yang mengangkat anak termasuk mengangkat anak atau mempunyai anak luar nikah.

Selepas adanya definisi ini, Jabatan Statistik membersihkan data di mana daripada 800,000 ibu tunggal sebelumnya hanya 235,000 orang ibu tunggal direkodkan di negara ini menerusi takrifan baru.

11. Untuk makluman para hadirin sekalian juga, sebagai sebahagian usaha kementerian untuk memperkasa golongan ibu tunggal di Malaysia, satu Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal (2015-2020) telah dilancarkan pada 22 Oktober 2015. Pelan Tindakan ini adalah hasil usaha dari semua *stakeholders* yang terlibat termasuk ibu tunggal sendiri. Jadi, ia juga mewakili suara ibu tunggal dengan menggariskan tiga teras strategik utama iaitu meningkatkan kesedaran dan komitmen pihak berkepentingan bagi memperkasakan ekonomi

ibu tunggal, meningkatkan kesejahteraan sosial ibu tunggal dan ketiga ialah meningkatkan penyelidikan dan penyelarasan pembangunan bagi golongan ibu tunggal.

12. Ingin saya nyatakan rasa syukur saya pada hari ini kerana seruan kementerian agar kita seluruh masyarakat dapat berganding bahu untuk bersama-sama membantu memperkasa ekonomi ibu tunggal telah pun disahut oleh masyarakat. Buktinya Festival Dari Wanita Untuk Wanita pada hari ini telah menjadi sebahagian penggerak kepada pelaksanaan Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal yang turut dianjurkan secara bersama oleh Persatuan Ibu Tunggal Daerah Temerloh. Alhamdulillah.

KOMITMEN DAN BANTUAN KERAJAAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita telah merangka strategi dan usaha-usaha bersepadu bagi meningkatkan lagi tahap kehidupan wanita ke arah pencapaian yang lebih baik. Ini kerana saya percaya wanita mempunyai peranan dan pengaruh yang cukup signifikan dalam kehidupan keluarga, masyarakat dan negara.
14. Jabatan Pembangunan Wanita telah menyediakan pelbagai bentuk inisiatif dan bantuan untuk memperkasakan wanita dalam bidang perniagaan di pelbagai peringkat. Melalui Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) dan Program Inkubator Kemahiran Usahawan Wanita (IKEUNITA), kemahiran wanita digilap agar dapat

bersaing di peringkat lebih tinggi. Program berbentuk bantuan tapak perniagaan iaitu Bazar Wanita juga turut disediakan untuk memberi peluang kepada lebih usahawan wanita menempatkan diri dalam persaingan perniagaan.

15. Sukacita ingin saya kongsi di sini bahawa bermula tahun 2008 hingga 31 Disember 2015 seramai 2,359 orang ibu tunggal daripada 5,082 orang peserta program I-KIT telah berjaya menjadi usahawan setelah enam (6) bulan mengikuti program ini dengan peningkatan purata pendapatan asal sebanyak RM500.00 kepada RM750.00 selepas menyertai program ini. Daripada jumlah ibu tunggal yang berjaya tersebut, seramai 528 merupakan peserta dari Negeri Pahang.
16. KPWKM juga merupakan peneraju bagi Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah. Salah satu program yang diperkenalkan melalui inisiatif ini adalah Program 1AZAM.
17. Program 1AZAM merupakan program peningkatan pendapatan yang menawarkan pakej-pakej keusahawanan bagi memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Selain itu, program-program berbentuk peningkatan jati diri usahawan juga turut disediakan dari semasa ke semasa bagi menyuntik semangat dalam meneruskan usaha mengembangkan perniagaan. Bermula daripada tahun 2010 sehingga kini, terdapat seramai lebih 190 usahawan telah berjaya dilahirkan. Daripada jumlah tersebut, lebih 11 ribu orang usahawan terdiri daripada penduduk di Negeri Pahang.

18. Kementerian akan terus komited untuk menggerakkan agenda pembangunan dan pemerksaan wanita agar mereka dapat menyumbang dengan lebih aktif kepada pertumbuhan ekonomi, meningkatkan produktiviti dan menikmati taraf kehidupan lebih baik.
19. Saya juga ingin memaklumkan kini terdapat pelbagai bentuk skim bantuan, tabung dan program telah disediakan oleh kerajaan dan sektor swasta yang boleh diterokai oleh para usahawan. Agensi-agensi seperti MARA, TEKUN, AMANAH IKHTIAR, SME CORP, SIRIM, Jabatan Pertanian, banyak menyediakan bantuan, malah sektor perbankan seperti SME Bank juga turut membantu mana-mana usahawan yang memerlukan bantuan pinjaman bagi memulakan perniagaan.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

20. Besarlah harapan saya agar semua usahawan wanita yang terlibat dalam festival ini dapat memanfaatkan peluang dan ruang yang disediakan. Untuk menjadi seorang yang berjaya, wanita seharusnya berani melangkah demi mengejar cita-cita. Jangan takut untuk gagal kerana kegagalan itu adalah permulaan sebuah kejayaan.
21. Usaha berterusan dengan menggunakan Konsep *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) antara agensi dan pihak Kerajaan Negeri adalah wajar diteruskan bagi melengkapkan Pelaksanaan Program Transformasi

Nasional demi pembangunan Negara dan kesejahteraan rakyat. Marilah kita bersama-sama membantu dan menyokong usaha kerajaan dalam mememrtabat dan memperkasakan wanita.

22. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga Pahang, Kerajaan Negeri Pahang, Persatuan Ibu Tunggal Daerah Temerloh, Pejabat Pembangunan Wanita Pahang dan agensi-agensi lain termasuk Komuniti PERWANI atas kerjasama yang diberikan untuk menjayakan Festival Dari Wanita Untuk Wanita 2016 Negeri Pahang.
23. Saya tinggalkan tuan-tuan dan puan-puan dengan kata-kata, "*The strongest factor for success is self-esteem: Believing you can do it, believing you deserve it, believing you will get it.*"

Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmaullahi
Wabarakatuh

Sekian, Terima Kasih